



**TENGGU SARAFUDIN (kanan) berkenan meninjau pameran di Majlis Perasmian Program Promosi Bersasar TPS Siri 2 dan Pelancaran Galeri Padi Nuklear di Muzium Padi di Alor Setar semalam.**

Menerusi projek Dana Penyelidikan Strategik

# Mosti hasilkan dua varieti padi baharu

Oleh **JAMLIAH ABDULLAH**

**ALOR SETAR** – Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti) menerusi projek Dana Penyelidikan Strategik (SRF) akan menghasilkan dua lagi varieti padi baharu negara pada penghujung 2026 dengan menggunakan titisan padi termaju.

Ketua Setiausahanya, Datuk Ts. Dr. Aminuddin Hassim berkata, usaha tersebut mampu meningkatkan nisbah kecukupan sendiri Malaysia di samping secara signifikan meningkatkan taraf kehidupan pesawah, selaras dasar sekuriti makanan negara.

"Kementerian bekerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan serta universiti terkemuka negara iaitu UPM (Universiti Putra Malaysia), UKM (Universiti Kebangsaan Malaysia), UiTM (Universiti Teknolo-

gi Mara) dan Agensi Nuklear Malaysia secara aktif terlibat dalam kajian pembangunan varieti padi baharu yang tahan kepada perubahan cuaca tidak menentu," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Perasmian Program Promosi Bersasar Technology Preview and Showcase (TPS) Siri 2 dan Pelancaran Galeri Padi Nuklear yang disempurnakan oleh Raja Muda Kedah, Tengku Sarafudin Badlishah Sultan Sallehuddin di Muzium Padi, di sini semalam.

Aminuddin berkata, kementerian pada tahun ini memberi fokus kepada beberapa bidang keutamaan termasuk pembangunan teknologi hidrogen, pengembangan bakat AI (kecerdasan buatan), pembangunan sektor bioteknologi, pemupukan ekosistem perniagaan baharu

melalui inisiatif tetingkap tunggal dan penerokaan teknologi angkasa lepas.

"Dalam bidang berkaitan bioteknologi khususnya dalam teknologi makanan dan perubatan jitu, kementerian berazam dalam memenuhi permintaan keterjaminan makanan negara melalui penyelidikan dan pembangunan teknologi tempatan," ujarnya.

Jelasnya, program Promosi Bersasar Technology Preview and Showcase (TPS) juga diharap dapat meningkatkan tahap penerimgunaan teknologi nuklear dalam sektor-sektor berpotensi.

"Melalui program ini, hasil penyelidikan dan pembangunan daripada para penyelidik Nuklear Malaysia dapat diketengahkan merentasi pelbagai bidang seperti aplikasi teknologi nuklear dalam sektor agro pertanian," katanya.